


SULIT

Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
2 ½ jam  
Sept.  
2011



1103/2

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
TINGKATAN LIMA  
TAHUN 2011

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

SULIT

[Lihat sebelah

1103/2

SULIT

**Soalan 1 : Rumusan**  
[30 markah]

1103/2

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dan masalah-masalah perkhidmatan pengangkutan awam. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Masalah kesesakan jalan raya sudah menjadi perkara yang semakin serius. Keadaan ini berlaku disebabkan tiadanya sistem perhubungan yang efisien antara pelbagai jenis pengangkutan awam, perjalanan lambat disebabkan kesesakan, dan sikap warga kota memilih untuk menggunakan kenderaan sendiri. Akhirnya, peningkatan jumlah kenderaan persendirian yang begitu ketara turut menambahkan kesesakan ini yang menjadi sebahagian daripada tekanan kehidupan harian masyarakat kota. Lantaran itu, pihak Kementerian Pengangkutan menyasarkan sebanyak 25 peratus penduduk di negara ini menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam menjelang 2015 bagi mengurangkan kesesakan jalan raya.

Setakat ini, hanya 16 peratus penduduk Malaysia menggunakan pengangkutan awam dan masih belum mencukupi untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Menyedari keperluan tersebut, sebuah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam tanah air. SPAD bertanggungjawab mengawal selia dan merancang perkhidmatan pengangkutan awam. Pihak kerajaan juga sedang berusaha untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu di bandar raya Kuala Lumpur dengan pembinaan pusat beli-belah baharu, Nu Sentral yang bersambung dengan rangkaian pengangkutan rel di Brickfields sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam, kerajaan telah menimbangkan beberapa inisiatif termasuklah memperluas perkhidmatan LRT dengan memanjangkan laluan. Jawatankuasa tersebut turut membaiki mutu perkhidmatan komuter dengan pembelian koe-koc baharu dan melanjutkan perkhidmatan komuter ke bandar-bandar baharu, selain bandar-bandar yang sedia diliputi. Selain itu, kerajaan berusaha memantapkan perkhidmatan bas-bas awam dengan menambahkan bilangan bas dan hentian, serta laluan-laluan perjalanan bas. Jawatankuasa tersebut juga bersetuju memperuntukkan RM10 bilion kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). SPNB dipertanggungjawabkan untuk menggantikan bas-bas usang dengan bas baharu yang berharga RM400,000 sebuah. Pada masa yang sama, rasanya tidak lengkap jika tidak disentuh soal teksi. Kerajaan memberikan suntikan dana tambahan sebanyak RM100 juta ke dalam Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam. Dana tambahan itu bertujuan untuk memberi pinjaman mudah kepada pemilik teksi individu untuk membeli teksi. Diharap dengan herbuat demikian persepsi warga kota terhadap pengangkutan awam dapat diubah.

Tegasnya, kerajaan amat berharap orang ramai sentiasa menggunakan pengangkutan awam sebagai *pilihan utama* mereka apabila usaha penambahbaikan dilakukan. Kerajaan turut komited untuk mengintegrasikan sistem pengangkutan awam dan menambah baik kemudahan untuk orang kurang upaya. Harapan kita agar semua pengusaha pengangkutan awam turut meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Meningkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam'  
oleh Hj. Samat Buang, *Fokus SPM*, November 2009)

SULIT

[Lihat sebelah

1103/2

SULIT

## Soalan 2: Pemahaman

1103/2

[35 markah]

## Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *pilihan utama*.

[2 markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa faktor yang menyebabkan kesesakan jalan raya di negara ini.

Nyatakan faktor-faktor tersebut.

[3 markah]

- (iii) Soal pemandu teksi mengenakan tambang sesuka hati masih terus menjadi rungutan.

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu dilakukan bagi membanteras sikap pemandu teksi yang menaikkan tambang sewenang-wenangnya.

[4 markah]

SULIT

[ Lihat sebelah

1103/2

SULIT

4

1103/2

**Soalan 2(b) - Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dalam keadaan kami diselubungi oleh raksasa ketakutan dan putus asa, tiba-tiba Pak Husain menjongol dalam lingkungan kami di Kampung Dal. Tiap-tiap kami bagai melingkungi ahli silap mata. Kehadiran Pak Husain juga menakutkan. Tiap-tiap kami berasa bahawa kehadirannya bersama-sama cerita yang dibawanya, tanpa disedarinya telah memanjatkan gelaran 'pahlawan' kepadanya. Ceritanya begini:

Waktu kami akan berangkat meninggalkan pangkalan, Pak Husain dalam perjalanan kerana memeriksa barang-barang rumahnya. Dengan tiba-tiba dia dicegat oleh dua orang tentera Jepun. Rupa-rupanya Jepun itu boleh berbahasa Melayu. Dia kenal orang Melayu. Dengan senapangnya, dia memaksa Pak Husain menguburkan mayat-mayat tentera dan orang mati. Ketika beberapa orang Jepun itu mahu mencari orang kampung, Pak Husain menyatakan semuanya sudah lari. Sekaliannya sudah pindah. Akibat daripada sikapnya yang berani itu, Jepun tidak turun ke pangkalan. Pak Husain dipaksa menggali kubur besar. Mayat-mayat yang berpuluh-puluh (di Pantai Pak Amat sahaja) dikuburkan beramai-ramai. Dia bekerja sehari suntuk. Darah menyimbah ke seluruh badannya. Dia seorang diri. Hingga menjelang senja (dia pun diberi makan biskut dan air oleh tentera Jepun), dia meminta kepada tentera yang pandai berbahasa Melayu itu, mahu membuang air besar. Ketika itulah dia mengambil peluang untuk melarikan. Pak Husain menyeberangi sungai ke Tuk Lukup. Dari Tuk Lukup dia berjalan kaki ke Sungai Gali.

(Dipetik daripada 'Pahlawan Buntung' oleh S.Othman Kelantan, dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan, apakah arahan yang diberikan oleh tentera Jepun kepada Pak Husain?

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang yang bergelar pahlawan.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

SULIT

| Lihat sebelah

1103/2

SULIT

1103/2

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Merah Silu pun bermohon kepada Megat Iskandar, lalu dia pergilah mengambil segala hartanya, askar dan kesemua kerbaunya. Lalu dibawa ke Buluh Telang itu. Merah Silu tinggallah di situ.

Merah Silu sangat gemar menyabung ayam. Ramai juara sabung ayam datang bermain menyabung dengan Merah Silu. Orang yang kalah dibayar taruhannya. Berita itu tersebar kepada kampung lain dan ramailah orang datang bermain sabung ayam di Buluh Telang. Apabila mereka kembali, Merah Silu memberi mereka seorang seekor kerbau. Orang yang datang melihat permainan sabung ayam itu juga diberi seekor kerbau.

Megat Iskandar dan Megat Kedah keduanya ialah kakanda kepada Sultan Maliku'l-Nasar di Rimba Jerun. Segala rakyat serta kedua raja itu kasih akan Merah Silu. Megat Iskandar menyuruh segala rakyat membawa beras seorang sekampit. Pada suatu hari, Megat Iskandar bermuafakat dengan orang besar-besar, orang tua-tua dan segala rakyat dalam negeri itu. Kata Megat Iskandar, "Hai segala tuan-tuan, apa fikiran kita akan Merah Silu ini? Pada bicara hamba baiklah kita jadikan dia raja kerana *ia pun sedia raja*, lagi ia hartawan. Dapat kita menumpang bersuka kepadanya."

(Dipetik daripada 'Merah Silu' dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *ia pun sedia raja* berdasarkan petikan. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, apakah kelebihan-kelebihan bersabung ayam dengan Merah Silu? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Merah Silu, bagaimanakah caranya anda memanfaatkan harta yang banyak itu? [3 markah]

SULIT

| Lihat sebelah

1103/2

SULIT

1103/2

**Soalan 2(d) – Petikan Puisi**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Di Perpustakaan**

Melangkah ke ruangmu  
 Satu pertukaran yang kontras  
 Dari kehangatan merata  
 Ke kedinginan yang menerpa  
 Terlalu hening di sini  
 Gua pendeta bersemadi  
 Di puncak sepi  
 Di sana sini  
 Kepala-kepala runding meneliti  
 Mata dan fikir bersebat

Maju ke ruang buku  
 Terlalu kerdil aku di sini  
 Terapung di laut ilmu  
 Tercurah berzaman  
 Dalam tak terselam  
 Betapapun kulayari  
 Bantera ilmu di sini  
 Tak terteroka  
 Yang akan kucatat  
 Hanya setitik dari tinta  
 Yang akan kupetik  
 Hanya sebiji dari mutiara  
 Engkau adalah pusaka moyang  
 Gedung peradaban insan  
 Terhimpun berzaman

Bersemadi di sini  
 Aku adalah pelayar yang dahaga  
 Di dada samudera tak berpantai  
 Betapapun kuteguk darinya  
 Dahaga tak pernah langcai

**Shafie Abu Bakar**Antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan dua keadaan yang dialami oleh penyajak apabila berada di perpustakaan seperti yang digambarkan dalam rangkap pertama. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk memperkasakan penggunaan perpustakaan sekolah dalam kalangan murid? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

SULIT

[Lihat sebelah

1103/2

SULIT

1103/2

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]***Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) latar - latar belakang
- (ii) pusat - pusat serenti
- (iii) jangka - jangka hayat

**[6 markah]**

(b) *Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Masalah alam sekitar perlu ditangani dengan segera oleh pihak berkuasa.
- (ii) Kasut sekolah yang kotor itu telah saya cuci semalam.
- (iii) Sajak-sajak yang baik itu telah ditulis oleh kumpulan penyajak yang masih muda.

**[6 markah]**

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Agensi kerajaan dan swasta menggesa agar membuka peluang kepada golongan kurang upaya untuk memegang jawatan dalam bidang pentadbiran.
- (ii) Menyaksikan keindahan kehidupan laut yang dihuni oleh pelbagai spesis ikan dan terumbu karang semasa menyelam sudah tentu mengasyikkan.
- (iii) Pengguna jalanraya perlu peka dengan modus operandi kumpulan jenayah yang gunakan kaedah melanggar kenderaan mangsa sebagai taktik untuk menyamun.

**[6 markah]**

SULIT

**[Lihat sebelah****1103/2**

SULIT

1103/2

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi set'ap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Emak menyuruh kakak merebus air dan membeli pelbagai kuih-muih di warung untuk minum petang.
  - (ii) Demonstrasi jalanan yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab bukanlah cara paling terbaik untuk membasmi masalah.
  - (iii) Pihak polis sudah mengenal pasti personaliti semua suspek yang masih bebas itu dengan mengedarkan gambar lakaran wajah suspek pada semua balai polis.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemukakan tiga peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Adiba anak yang rajin dan sering membantu ibu bapanya. Dia telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya, tetapi Adiba berasa serba salah sama ada hendak memilih tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara atau di dalam negara. Ibu bapa Adiba menyerahkan kepada Adiba untuk membuat keputusan kerana dia sahaja yang dapat membuat pilihan yang tepat.

[6 markah]

SULIT

[ Lihat sebelah

1103/2



SULIT

1103/2

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah B. L. Kadir
- (viii) Kabus Di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Pertentangan antara watak banyak terdapat dalam sesebuah novel. Huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan pertentangan antara watak dalam sebuah novel yang anda telah kaji.

**[7 markah]**

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, bandingkan **satu** latar tempat dalam setiap novel itu.

**[8 markah]****KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

1103/2